

KABINET - DADAH

KUALA LUMPUR, 25 JUN (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MEMBERITAHU KABINET HARI INI BAHAWA KERAJAAN DAN RAKYAT AUSTRALIA TIDAK BEGITU KRITIS TERHADAP KEPUTUSAN LEMBAGA PENGAMPUNAN NEGERI PULAU PINANG MENOLAK RAYUAN HUKUMAN MATI KE ATAS DUA ORANG RAKYATNYA BARU-BARU INI.

+INI MENUNJUKKAN BAHAWA MASYARAKAT ANTARABANGSA SESUNGGUHNYA MENGIKTIRAF CARA-CARA DAN KAEDAH YANG DIAMALKAN OLEH NEGARA KITA DALAM MEMERANGI DADAH,+ KATA MENTERI PENERANGAN DATUK RAIS YATIM KEPADA PARA PEMBERITA PADA AKHIR MESYUARAT MINGGUAN KABINET.

BELIAU SELAKU JURUCAKAP KABINET, BERKATA MENURUT LAPORAN YANG DITERIMA OLEH DATUK SERI DR MAHATHIR, AUSTRALIA MENGIKTIRAF SISTEM PERUNDANGAN DI NEGARA INI DAN MENERIMA KESERIOUSAN KESALAHAN MENGEDAR DADAH.

PADA HARI AHAD LEMBAGA PENGAMPUNAN SETELAH BERMESYUARAT SELAMA TIGA JAM MENGARAHKAN HUKUMAN MATI DITERUSKAN TERHADAP BRIAN GEOFFREY CHAMBERS, 29, KONTRAKTOR BINAAN DARI SYDNEY, DAN KEVIN JOHN BARLOW, 28, TUKANG KIMPAL DARI PERTH ATAS KESALAHAN MENGEDAR 179 GRAM HEROIN DI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA PULAU PINANG PADA 9 NOV 1983.

SEMENTARA ITU, DATUK RAIS BERKATA JABATAN PERKHIDMATAN POS AKAN MENJUAL SETEM POS KENANG-KENANGAN BESERTA SAMPUL SURAT HARI PERTAMA SEMPERA ULANGTAHUN KE-10 PERSATUAN MENCEGAH DADAH MALAYSIA (PEMADAM) ESOK. -- LAGI.

1711MST 25 06 86

KABINET - DADAH 2 KUALA LUMPUR

KATANYA, SETEM-SETEM ITU AKAN DIKELUARKAN SEBAGAI KENANG-KENANGAN DAN SIMBOL BETAPA BERSUNGGUH-SUNGGUHNYA MALAYSIA MEMBANTERAS DADAH DEMI KESEJAHTERAAN MASYARAKAT NEGARA INI DAN LUAR NEGERI.

BELIAU, SELAKU YANG DIPERTUA PEMADAM KEBANGSAAN, BERKATA SETEM-SETEM ITU AKAN DIKELUARKAN DENGAN HARGA 20 SEN, 40 SEN DAN \$1.

KATANYA, SAMPUL-SAMPUL SURAT ITU JUGA AKAN DIEDARKAN OLEH PEMADAM KEPADA SELURUH BADAN ANTI-DADAH DUNIA SERTA KEPADA AGENSI-AGENSI BERKAITAN DENGAN PENCEGAHAN DADAH DI BAWAH NAUNGAN PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU.

DATUK RAIS BERKATA JAWATANKUASA KERJA PEMADAM AKAN KE SARAWAK PADA 2 JULAI BAGI MEMBINCANGKAN PERKARA YANG BERKAITAN DENGAN MESYUARAT AGUNG PEMADAM YANG AKAN DIADAKAN DI KEDAH PADA BULAN YANG SAMA. -- BERNAMA

1712MST 25 06 86